

Pengaruh Warisan Sejarah dalam Industri Pelancongan Langkawi

MOHD SAMSUDIN & SULONG MOHAMAD

ABSTRAK

Pulau Langkawi juga terkenal sebagai sebuah pulau bersejarah dengan legenda Mahsuri dan serangan tentera Siam. Sehingga hari ini, terdapat beberapa tinggalan sejarah yang telah dimajukan sebagai tarikan pelancongan antaranya kompleks Mahsuri and kawasan beras terbakar. Namun demikian terdapat dua perkara penting yang menjadi persoalan. Pertama sejauh mana faktor sejarah dapat mempengaruhi pertambahan jumlah kedatangan pengunjung ke pulau ini. Kedua sejauh mana warisan sejarah di Pulau Langkawi digunakan dalam aktiviti pelancongan di Pulau Langkawi. Oleh itu, kertas ini akan mengkaji kedua-dua persoalan ini. Hasil penilaian ini akan memberi jawapan mengenai kemampuan bahan-bahan sejarah digunakan dalam pelancongan warisan.

Kata kunci: pelancongan warisan, industri pelancongan, sejarah Pulau Langkawi.

ABTRACT

Langkawi Island is a historical island renowned for the legend of Mahsuri and the invasion of Siam. As of today, there are some remnants of history which have been revived and developed as tourist attractions including the Mahsuri complex and Field of Burnt Rice. Despite these developments, two important questions are worth considering. First the extent to which historical factors can influence the number of visitors coming to the island. Second, to what extent is the importance of heritage an important factor in tourism? This paper will examine both these questions. It is hoped that this examination will provide indication on the capability of history toward developing heritage tourism.

Key words: heritage tourism, tourism industry, history of Langkawi Island.

PENGENALAN

Industri pelancongan adalah merupakan salah satu aktiviti yang dapat memberikan pulangan besar kepada sesebuah negara. Antara negara yang berkecimpung dalam kegiatan pelancongan warisan yang menyumbang kepada hasil utama negara ialah Mesir, Turki, Monaco dan Indonesia. Data yang dikeluarkan oleh *World Tourism Organisation* (WTO) menyatakan bahawa kegiatan industri pelancongan pada tahun 2000 merupakan hasil pendapatan tertinggi berbanding dengan sektor lain kerana menghasilkan jumlah sebanyak US\$476 billion dan berkembang dalam kadar 5-6% setahun (World Tourism Organisation 2001). Manakala pada tahun 2007 jumlah hasil pelancongan di dunia adalah US\$856 billion, jumlah yang meningkat naik sebanyak 5.6% dari tahun 2006 (UNWTO 2008). Menjelang tahun 2011, aktiviti pelancongan seluruh dunia berkembang sebanyak 4.6% berbanding tahun 2010 dengan memperoleh pendapatan sebanyak US\$ 1 trillion, jumlah yang pertama kali dicapai bagi angka trillion (UNWTO 2011). Selain memberikan pendapatan terbesar, industri pelancongan juga menawarkan peluang pekerjaan yang paling banyak di dunia, malahan

menjadi penyumbang utama kepada pendapatan bagi negara-negara di kepulauan Pasifik, Thailand, Bali (Indonesia). Penglibatan tenaga kerja melibatkan pelbagai kumpulan bermula dengan operator pelancongan hinggalah kepada penduduk yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberikan perkhidmatan kepada pelancong. Di Malaysia pada tahun 2005, kegiatan pelancongan merupakan antara penyumbang pendapatan negara yang ketiga penting dan ia diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebuah industri yang mendapatkan pendapatan besar kepada negara. Pada tahun 2011, jumlah pendapatan industri pelancongan Malaysia adalah sebanyak RM21.4 billion (Kementerian Pelancongan Malaysia 2012)

Perkembangan sesuatu kegiatan pelancongan bergantung kepada bilangan pelancong yang datang ke sesuatu destinasi yang dapat memberikan tarikan kepada mereka. Kunjungan adalah disebabkan oleh tarikan yang ada di sesebuah destinasi pelancongan seperti kawasan riadah dan rekreasi termasuklah di kawasan pantai, tanah-tanah tinggi atau hutan, kawasan-kawasan bersejarah dan tempat membeli belah (Binns & Etienne 2002: 235). Tinggalan-tinggalan sejarah juga seringkali digunakan sebagai salah satu tarikan pelancong. Di Mesir, tinggalan

sejarah daripada tamadun Mesir purba menawarkan daya tarikan kepada pengunjung luar sehinggakan seseorang pelancong dianggap tidak melawat Mesir jika mereka tidak melawat kawasan bersejarah seperti Spinx dan Piramid. Sehubungan dengan itu, Malaysia juga turut membangunkan kawasan-kawasan bersejarah sebagai daya tarikan pelancong.

Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa tarikan besar bagi pelancong untuk melawat ke sesuatu kawasan bersejarah. MacCannel (1992: 1) misalnya menganggap “*tourism is not just an aggregate of merely commercial activities; it is also an ideological framing of history, nature and tradition; a framing that has the power to reshape culture and nature to its own needs*”. Oleh itu kegiatan pelancongan berkaitan warisan sejarah telah menjadi semakin penting terutama dengan perkembangan pelancongan warisan (*heritage tourism*) (Urry 1990) Pelancongan warisan yang dibahaskan oleh Johnson (1996: 552) menekankan mengenai, “*poses questions about authenticity and about the representation of geographical and historical knowledge*”. Begitu juga yang dibangkitkan oleh Zurick (1992: 614), bahawa dalam kegiatan pelancongan terutama daripada pelancong asing, keaslian dan ketepatan warisan sejarah itu adalah penting yang menarik minat mereka untuk terlibat.

Pelancong yang berminat dengan sejarah berminat untuk mencari pengalaman yang asli atau *authentic* (MacCannel 1976:14). Oleh itu terdapat keperluan bagi setiap badan berkuasa untuk menyediakan bahan-bahan bersejarah yang mampu menarik kedatangan pelancong. Jika ia berkaitan dengan kunjungan terhadap sejarah maka mereka akan mencari keaslian bahan-bahan warisan yang boleh diingati melalui pengalaman mereka. Justeru, di negara-negara Barat seperti di Britain, Perancis dan Itali, pihak pengurusan pelancongan dan kerajaan tempatan akan berusaha mengekalkan warisan sejarah ini agar ia dapat dirasai oleh pengunjung. Di Britain warisan sejarah itu sendiri menjadi satu produk penting dalam industri pelancongan (Johnson 1996: 552). Bahan-bahan yang dijadikan sebagai monumen sejarah seperti *Windsor Castle, Buckingham Palace, William Shakespeare Village dan Robin Hood's village*.

SEJARAH SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN WARISAN

Usaha menjadikan sejarah sebagai produk dalam kumpulan warisan pelancongan sudah berabad-abad

dilakukan oleh pihak berkuasa di kebanyakan negara khususnya di Eropah. Bagi pelancong, minat mereka adalah untuk mencari pengalaman tempat-tempat dan aktiviti yang asli yang menggambarkan cerita dan manusia masa silam (*National Trust for Historic Preservation* 2011). Justeru, pelancongan warisan menumpukan perhatian terhadap cerita masyarakat dan tempat yang disampaikan melalui interpretasi landskap budaya dan pemuliharaan serta pemeliharaan rupa bentuk sejarah itu (*National Association of Tribal Historic Preservation Officers* 2011). Pelancong yang terlibat akan mendapat pengalaman melalui warisan yang ditinggalkan di sesebuah bandar dengan merasai sendiri bentuk-bentuk bangunan, budaya, tempat tinggal dan aktiviti manusia sepertimana yang digambarkan dalam sejarah. Oleh itu adalah penting bagi pelancongan warisan mengekalkan keaslian monumen dan aktiviti yang dilakonkan semula. Oleh itu ketepatan kepada rupa bentuk monumen dan lakonan peristiwa adalah faktor utama membangunkan aktiviti pelancongan warisan sebagai daya tarik pelancong.

Usaha mengekalkan kawasan bersejarah dan juga monumen-monumen yang berkaitan adalah yang paling berjaya menarik perhatian pelancong khususnya pelancong luar negara berkaitan dengan tinggalan pengaruh Eropah di negara ini seperti kota d'A Formosa di Melaka dan tinggalan bangunan-bangunan zaman British di Georgetown, Pulau Pinang. Walaupun kerajaan negeri Melaka cuba mewujudkan warisan sejarah zaman kesultanan Melaka dengan membangunkan replika istana namun ia gagal mengatasi minat pelancong untuk merasai sendiri monumen tinggalan Belanda dan Portugis. Kejayaan kerajaan Melaka mendapatkan pengiktirafan UNESCO Melaka sebagai bandar warisan bersejarah adalah dikaitkan dengan usaha kerajaan mengekalkan monumen-monumen sejarah Portugis dan Belanda dalam bentuk sedia ada. Kejayaan ini memberikan kesan besar menarik kehadiran pelancong luar negara.

Sebuah lagi bandar yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai bandar bersejarah di Malaysia ialah Georgetown. Di Georgetown pula, dikekalkan warisan seni bina dalam bentuk tinggalan bangunan-bangunan bersejarah semenjak abad ke 18. Antara bangunan-bangunan bersejarah yang terus dikekalkan dalam bentuk asal ialah Masjid Kapitan Keling, Masjid Jalan Acheh, Gereja St. George dan istana Cheong Fatt Tze. Pengekalan monumen-monumen bersejarah ini telah menarik pelancong asing melawat Pulau Pinang. Malahan pelancong

asing menjadikan Melaka dan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan sejarah. Keadaan ini membuktikan bahawa sejarah dapat dijadikan sebagai produk pelancongan di Malaysia.

Pelancongan warisan boleh menjadi sumber utama pendapatan ekonomi sesebuah negara seperti mana yang berlaku di Mesir. Usaha menarik lebih ramai pelancong merupakan sumber pendapatan yang amat baik dan dapat mewujudkan pasaran kerja. Mengusahakan bahan-bahan warisan adalah penting kerana pelbagai kajian membuktikan bahawa pelancong warisan tinggal lebih lama dan berbelanja lebih berbanding kumpulan pelancong yang lain. Dengan memberikan tumpuan terhadap pelancongan warisan, ia juga boleh membantu masyarakat mempelbagaikan sumber ekonomi daripada hanya bergantung kepada satu bidang industri semata-mata. Dalam masa yang sama, pelancongan warisan menjadi alat penting mempromosi kebanggaan sesebuah masyarakat dan dapat meningkatkan kualiti hidup. Ketika sesebuah masyarakat itu memberikan tumpuan mempersembahkan bahan-bahan warisan kepada pelancong, mereka mendapat bantuan untuk memulihara bahan-bahan warisan tersebut. Penggunaan semula bahan-bahan sejarah dan menghidupkan kembali memori sejarah untuk kegiatan pelancongan dapat melindungi sumber penting dan membantu mengekalkan keunikan masyarakat sesebuah kawasan (Neumayer 2004).

Bagaimanapun, pelancongan warisan boleh memberikan sumber ekonomi tetapi ia juga merupakan cabaran kepada masyarakat. Peningkatan jumlah pelancong boleh memberikan kesan buruk jika aktiviti ini tidak diselia dengan baik serta tiada kemudahan sumber dan infrastruktur yang berkesan. Ianya berkaitan dengan daya tampung sesebuah kawasan pelancongan tersebut. Lebih ramai pelancong bermakna lebih banyak sisa buangan, kesesakan lalu lintas, vandalisme, kecurian dan lain-lain masalah sosial. Oleh itu selain menyediakan kemudahan infrastruktur yang cukup, pihak berkuasa juga perlu menyeimbangkan peningkatan jumlah pelancong dengan jumlah tenaga kerja (*manpower*) dalam bidang pengawasan, pengekalan keselamatan dan khidmat sokongan dalam kegiatan pelancongan warisan.

PENGALAMAN DI EROPAH

Persoalan utama dibangkitkan oleh warisan sejarah dalam pelancongan terletak ke atas pencarian kepada siapa yang memiliki masa silam itu, berkait

hubungan nilai dalam proses pemuliharaan yang dapat mempengaruhi pengunjung (Kearns & Philo 1993; Herbert 1995). Pelancongan mempunyai hubungan rapat dengan warisan sejarah yang dapat dibangunkan dalam bentuk monumen dan gambaran peristiwa lepas. Usaha ini sebenarnya berupaya memperhebatkan kegiatan pelancongan. Di Eropah, Chamberlain dan Beavus (1979), pengkaji sejarah dan pelancongan telah melakukan temu bual dengan pelancong-pelancong yang pulang daripada percutian di Eropah mendapati bahawa antara pengalaman yang dihargai mereka ialah mengenai warisan sejarah dan ianya menarik minat mereka untuk kembali semula melawati kawasan-kawasan berkenaan. Justeru, mereka mendapati bahawa sebenarnya antara kegiatan penting pelancong ialah melawat dan cuba menghayati pengalaman sejarah di tempat-tempat yang mereka lawati. Keadaan ini telah mempengaruhi sebahagian besar negara-negara Eropah untuk membangunkan warisan sejarah mereka termasuklah artifak-artifak bangunan lama atau kota-kota lama dan mengaitkan dengan peristiwa-peristiwa bersejarah yang penting serta juga mengekal dan membina semula lokasi-lokasi bersejarah.

Warisan sejarah mempunyai kelebihan tersendiri untuk dibangunkan. Ini adalah kerana, jika dibandingkan dengan keaslian budaya, maka warisan sejarah lebih mudah di kekal atau dibina semula kerana ianya terdiri daripada bangunan atau monumen yang terbentuk pada satu masa dahulu. Tidak kira jika ianya dibina ribuan tahun atau ratusan tahun dahulu, monumen ini berpotensi dibangunkan semula. Jika ia masih kekal, bangunan ini dapat dipulihara tetapi jika ia sudah musnah ia boleh dibina semula berasaskan rekod dan gambar-gambar sebelumnya. Perkembangan peristiwa sejarah seringkali sudah direkodkan sama ada dalam bentuk catatan sejarah atau masih dalam bentuk sejarah lisan. Jika ia berupa rekod dan catatan ia lebih mudah untuk diolah semula tetapi jika ianya dalam bentuk sejarah lisan (*oral history*) maka persoalan utama ialah mencari keaslian dan kebenaran sesebuah peristiwa itu. Oleh itu dalam membangunkan warisan sejarah, ia memerlukan gabungan tenaga pakar daripada ahli-ahli sejarah, ahli-ahli seni bina (arkitek), tokoh budaya dan arkeologi.

Manakala warisan budaya pula memerlukan masyarakat mengekalkan bentuk budaya mereka yang diamalkan semenjak dahulu. Zaman moden memperlihatkan bahawa sesuatu masyarakat itu akan mengalami perubahan, secara perlahan-lahan akan mengubah kedudukan mereka ke arah

kehidupan yang lebih moden yang secara tidak langsung meninggalkan amalan-amalan budaya yang dianggap tidak lagi relevan (Thiele et al. 2005). Walaupun demikian warisan budaya menghadapi kepupusan kerana budaya dalam masyarakat mengalami pembaharuan apabila masyarakat itu sendiri akan cuba mengubahsuai bentuk kehidupan mereka dengan keadaan semasa. Maka berlakulah peninggalan amalan budaya lama yang dianggap tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.

Di Malaysia kegiatan pelancongan sudah pun bermula semenjak abad ke 18 lagi melalui kedatangan pengembara-pengembara asing terutamanya berbangsa Eropah dan Arab ke Tanah Melayu. Mereka ini akan mengembara ke sesuatu kawasan dan mencatatkan pengalaman. Antara tokoh yang penting ialah Issabela Bird, seorang pengembara wanita berbangsa Inggeris yang terkenal yang telah mengembara ke Jepun, China, Vietnam dan Tanah Melayu pada 1880-an. Beliau menghasilkan dua buah catatan terpenting mengenai Tanah Melayu iaitu *The Golden Chersonese and the way Thither* (1883) dan *Sketches in the Malay Peninsula* (1883). Kedatangan pengembara Eropah menjadi lebih pesat setelah berkembangnya kapal wap pada penghujung abad ke 19 dan juga dengan pembukaan Terusan Suez pada November 1869. Ia diikuti dengan terdapatnya syarikat-syarikat kapal wap penumpang yang membuka laluan antarabangsa menjadikan Tanah Melayu lebih mudah didatangi.

Jadual 1. Bentuk-bentuk kegiatan pelancongan

Jenis Program	Destinasi
<i>Trekking</i>	Argentina, India, Nepal, Pakistan, Peru, Turki
<i>Vehicle Overland</i>	China, Mesir, Malawi, Mongolia, Rantau Sahara, Tibet, Tunisia, Afrika Barat
<i>Natural History</i>	Antartica Brazil, Costa Rica, Ecuador, Galapagos, Madagascar
<i>Wildlife Safari</i>	Afrika Tengah, Kenya, Tanzania
<i>Archaeology</i>	Mesir, Tunisia
<i>Kayaking/rafting</i>	Mexico

Sumber: Authors's US adventure travel industry survey, 1989-90.

Pelancongan warisan boleh dikaji dari sudut pandangan bentuk-bentuk perubahan budaya yang berkaitan dengan pasca-modernisme dan pasca-zaman perindustrian. Menurut Urry (1990: 82);

Postmodernism involves a dissolving of the boundaries, not only between high and low cultures, but also between different cultural forms, such as tourism, art, education,

photography, television, music, sport, shopping and architecture.

Pemahaman mengenai pasca-modernism dalam pelancongan sebahagian besar tertumpu dalam bentuk “advertising of tourist destinations – the “pic ‘n mix” character of the tourist experience that culminates in the visitor searching through “our own pop images and stereotypes about the past which remain forever out of reach” (Jameson 1985:118). Secara khusus, penghasilan dan pengurusan terhadap warisan sejarah adalah berhubung kepada ‘*post-Fordist production practices and the rise of a new service class*’.

Prague dikenali sebagai bandar seratus menara dibina dalam bentuk persekitaran sejarah yang dibangunkan yang telah dikenali di peringkat antarabangsa yang mempunyai kualiti dan keunikan tersendiri (Simpson 1999). Ia merupakan sebuah kawasan yang dibangunkan yang terdiri daripada empat buah bandar. Hradcany, sebuah daerah kota terletak di atas bukit di sebelah barat sungai Vltave yang mengalir melalui tengah Bandar. Mala Strana yang dibangunkan pada peringkat awal Prague berkembang menuruni bukit dari Hradcany ke muara Vltava. Arah ke selatan Mala Strana, melindungi bukit Petrin melebari Vltava, Keempat ialah Stare Mesto, kampung tua yang merentangi Mala Strana adalah merupakan Bandar tertua yang paling besar (Kearns & Philo 1993).

Semenjak kejatuhan komunis di Prague pada 1989, bandar-bandar di bahagian tengah dan timur Eropah telah melalui proses perkembangan pesat. Dengan pembukaan negara-negara bekas Soviet Union ini kepada kegiatan pelancongan antarabangsa yang luas, ia telah menjadikan kegiatan pelancongan berasaskan kepada warisan sejarah. Usaha pemuliharaaninggalan sejarah seperti bangunan, monumen telah memberikan pulangan baik kepada pihak berkuasa tempatan apabila menjelang akhir 1990-an jumlah kedatangan pelancong untuk melawat warisan sejarah telah meningkat sekali ganda. Pada hari ini Prague dikenali di mata dunia sebagai salah sebuah kawasan pelancongan yang menyediakaninggalan warisan sejarah.

KEDUDUKAN WARISAN SEJARAH DI PULAU LANGKAWI

Kepulauan Langkawi mempunyai 99 (104) buah pulau merupakan salah satu daerah di bawah pentadbiran negeri Kedah, terletak sejauh 14 km dari persisiran pantai negeri Perlis. Kepulauan ini terdiri

daripada kumpulan pulau-pulau yang sederhana besarnya di mana Pulau Langkawi mempunyai keluasan 150 batu persegi merupakan pulau terbesar dan penting sebagai pusat pentadbiran. Saiznya separuh daripada keluasan Pulau Pinang 285 km². Pulau Langkawi dan Pulau Tuba didiami oleh penduduk secara tetap manakala pulau-pulau yang lain merupakan pulau-pulau yang berbatu curam dan diselaputi hutan tebal yang masih tidak diganggu alam semula jadinya. Dari segi pentadbiran, kepulauan Langkawi dibahagikan kepada enam mukim dan bandar Kuah merupakan pusat pentadbiran daerah.

Pulau ini dikenali kerana mempunyai sejarah dan lagenda Mahsuri, Pulau Dayang Bunting, Beras Terbakar, Pantai Tengkorak. Sebelum pulau ini diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai pada 1 Januari 1987, pulau ini sudah menjadi tarikan pelancong kerana lagenda sejarahnya. Pada peringkat awal sekitar akhir 1960-an sudah terdapat usaha menjadikan pulau ini sebagai pulau pelancongan. Pada tahun 1969 kerajaan negeri telah meminta pihak Majlis Amanah Ra'yat (MARA) menjalankan penyelidikan mengenai potensi pulau ini dari segi pelancongan. Hasil kajian telah dibentangkan di dalam tahun yang sama mendapati pulau ini mempunyai potensi sebagai sebuah destinasi pelancongan dan mengenalpasti lagenda Mahsuri dapat menjadi tarikan utama kepada pengunjung. Namun demikian, usaha membangunkan pulau ini menghadapi masalah kewangan. Kerajaan negeri Kedah tidak mempunyai sumber kewangan yang besar yang boleh membangunkan kemudahan-kemudahan asas yang perlu bagi menyokong kepada aktiviti pelancongan. Beberapa kemudahan diperlukan pada awal 1970-an, antaranya:

1. Kemudahan jeti yang baru kerana jeti di bandar Kuah yang sedia ada telah usang dan tidak dapat digunakan bagi bot-bot besar terutama apabila air laut surut.
2. Kemudahan pengangkutan awam adalah begitu terhad. Jumlah bas daripada perkhidmatan MARA hanya ada sebanyak 4 buah sahaja dan tidak cukup memberikan perkhidmatan kepada pelancong.
3. Jumlah kereta sewa juga adalah amat terhad iaitu sebanyak enam buah. Penduduk secara umum kurang berkeupayaan untuk membiayai kos tambang bas dan juga teksi.
4. Kemudahan jalan raya adalah terhad, hanya dapat menghubungi mukim-mukim dan kampung yang penting. Sistem jalan raya berbentuk litar mengelilingi pantai sahaja.
5. Tiada kemudahan landasan kapal terbang yang besar. Malahan perkhidmatan syarikat penerbangan *Malaysian Airlines* (MAS) hanya menyediakan kapal terbang berenjin dengan empat tempat duduk. Pada tahun 1969, MAS melaporkan ia kerugian sebanyak \$100,000 kerana menyediakan laluan ke Pulau Langkawi. Selain tidak mempunyai sumbangan kewangan yang cukup, pembinaan lapangan terbang yang ada tidak sesuai pada masa itu dan diabaikan.
6. Kemudahan hotel adalah amat terhad. Hanya terdapat sebanyak 2 buah hotel swasta yang berkemampuan menyediakan kurang daripada 16 bilik. Menjelang tahun 1969 hotel berkenaan telah ditutup kerana mengalami kerugian. Pulau ini mempunyai rumah rehat kerajaan Persekutuan berkapasiti 16 bilik yang seringkali digunakan oleh kakitangan kerajaan yang datang bercuti.
7. Tidak ada kawasan tarikan pelancongan yang disediakan. Kedudukan dari satu tempat ke satu tempat adalah sukar dihubungi. Contohnya makam Mahsuri, Telaga Tujuh, Tanjung Rhu.
8. Tiada terdapatnya sebuah pun agensi pelancongan di pulau ini menyebabkan sukarnya lawatan secara berkumpulan diatur.
9. Sistem telekomunikasi yang amat terhad. Telefon hanya terhad di beberapa tempat terutamanya di pekan Kuah sahaja. Manakala perkhidmatan feri hanya ada sebanyak 2 kali sehari sahaja, bermula jam 9.30 pagi.

Secara tradisi, penduduk di sini terutama yang mendiami Pulau Langkawi dan Pulau Tuba merupakan petani-petani dan nelayan-nelayan yang menjalankan kegiatan secara tradisional. Bagaimanapun apabila pulau ini dibangunkan sebagai pulau pelancongan ia telah mempengaruhi penduduk untuk terlibat dalam industri pelancongan. Menjelang tahun 1987, Pulau Langkawi telah diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai, sekaligus ia telah mempengaruhi penduduk pulau ini bergiat dalam aktiviti pelancongan. Perkembangan pelancong boleh dilihat seperti Jadual 2.

Jadual 2. Jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Langkawi

Tahun	Bilangan Pelancong
2001	1,919,113
2002	1,916,451
2003	1,981,946
2004	2,179,629
2005	1,835,287
2006	2,112,026
2007	2,334,362

Sumber : Langkawi Development Authority (LADA)

RESPON PELANCONG DI PULAU LANGKAWI

Siri temu bual telah dilakukan dengan pelancong-pelancong yang berkunjung ke Pulau Langkawi. Secara umum mereka ini dibahagikan kepada dua kelompok iaitu pelancong tempatan dan pelancong luar (antarabangsa). Pelancong tempatan adalah terdiri daripada penduduk negara ini. Manakala pelancong luar adalah terdiri daripada warganegara asing yang terdiri daripada orang Eropah, Taiwan dan China. Walau bagaimanapun kebanyakan pelancong yang datang mengunjungi Pulau Langkawi adalah pelancong tempatan.

Antara lain perkara penting yang diperolehi daripada pelancong tempatan adalah seperti berikut:

Pelancong Tempatan

- i) Tumpuan aktiviti – melawat kawasan bersejarah terutamanya Makam Mahsuri dan Beras Terbakar; membeli belah kerana kedudukan pulau bebas cukai.
- ii) Pengetahuan terhadap warisan sejarah – Pengunjung tempatan mempunyai pengetahuan terbatas mengenai warisan sejarah Pulau Langkawi yang dikaitkan dengan peristiwa kematian Mahsuri. Bagaimanapun mereka tidak mempunyai pengetahuan mendalam mengenai bagaimana peristiwa berlaku, asal usul Mahsuri dan keluarganya.
- iii) Hasil Penelitian – apabila ditanya apakah setelah melawat Pulau Langkawi pelancong mempunyai pengetahuan mengenai warisan sejarah Langkawi. Bagi golongan tua mereka menganggap bahan yang disediakan boleh membantu mereka mengetahui mengenai sejarah Langkawi. Lawatan di

Kompleks Mahsuri dapat memberikan pengetahuan terhadap peristiwa kematian Mahsuri. Bagi golongan muda (remaja) mereka masih belum dapat memahami secara mendalam disebabkan, pertama; kurang berminat dengan sejarah Langkawi; kedua bahan yang disediakan kecuali di Kompleks Mahsuri tidak banyak membantu. Mereka tidak dapat menghayati apakah sebenarnya peristiwa beras terbakar.

Pelancong tempatan amat berminat untuk mengetahui sejarah Pulau Langkawi dan menganggap penyediaan bahan-bahan Warisan Sejarah dalam bentuk bangunan dan artifak dapat membantu aktiviti pelancong yang datang ke pulau ini. Antara lain ialah menghubungkan pulau ini dengan peranan dan ketokohan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pertama.

Pelancong Antarabangsa

- i) Tumpuan aktiviti – melawat kawasan pantai yang cantik dan kepulauan yang mempunyai daya tarikan keindahan kepulauan.
- ii) Pengetahuan terhadap warisan sejarah – Pelancong antarabangsa mempunyai pengetahuan yang terbatas mengenai sejarah yang dimiliki oleh pulau ini. Mereka mengetahui hanya melalui brosur atau iklan di dalam televisyen atau media elektronik. Mereka menunjukkan minat yang mendalam untuk melihat warisan sejarah dibangunkan sebagai kegiatan pelancongan. Memulihara dan membangunkan semula bangunan atau kawasan bersejarah (andaian seperti di Britain atau Prague). Tidak mengetahui mengenai peristiwa Mahsuri, selepas berkunjung ke kompleks Mahsuri mereka menjadi keliru kerana struktur bangunan ini tidak banyak membantu gambaran mengenai zaman dan peristiwa Mahsuri. Mendapati kawasan Beras Terbakar adalah pusat membeli belah tanpa mengetahui kawasan ini mempunyai sejarah tersendiri.
- iii) Hasil Penelitian – pelancong antarabangsa tidak merasakan bahawa Pulau Langkawi ini dibangunkan sebagai kegiatan pelancongan bercirikan warisan sejarah tetapi sebenarnya ingin melihat warisan sejarah boleh dibangunkan sebagai satu cara membantu aktiviti pelancong. Mereka

membandingkan Pulau Pinang dan Melaka yang dianggap berhasil mengekalkan sejarah dalam pelancongan.

MENGENALPASTI BAHAN-BAHAN SEJARAH DI PULAU LANGKAWI

Pulau Langkawi mempunyai khazanah sejarah yang berupaya menyumbang kepada aktiviti pelancongan. Semenjak dari awal pulau ini sudah dikenali sebagai pulau yang penting dalam mengimbangi pengaruh kerajaan Kedah dan Siam. Siam dalam beberapa waktu dan ketika pada abad ke 14-16 seringkali datang menyerang Pulau Langkawi. Dalam beberapa catatan sejarah diceritakan mengenai peristiwa penawanan tentera Siam dan tindakan penduduk tempatan mempertahankan pulau ini. Malangnya sejarah pulau Langkawi ini seringkali diasingkan daripada sejarah negeri Kedah, sedangkan sejarah negeri ini adalah berpotensi dibangunkan sebagai daya tarikan pelancong. Kerajaan Kedah adalah antara kerajaan Melayu yang tertua. Catatan daripada Hikayat Merong Mahawangsa telah melakarkan sejarah Kedah yang hebat menyaingi empayar Siam dan Burma. Pulau Langkawi telah diletakkan di bawah kekuasaan kerajaan Kedah malahan penduduknya lebih mengamalkan ciri-ciri budaya dan kehidupan Kedah. Pada zaman kesultanan kerajaan Kedah, Pulau Langkawi ditadbir oleh seorang penghulu yang diberikan kuasa oleh Sultan Kedah. Penghulu memerintah di Padang Mat Sirat yang menjadi pusat pentadbiran tradisional pulau ini. Perintah yang dibawa oleh penghulu dianggap perintah Sultan Kedah kerana beliau diberikan keris kuasa oleh Sultan Kedah.

Apabila pihak British campur tangan di negeri Kedah pada abad ke 19, mereka telah mengemas kini sistem pentadbiran menjadikan pulau ini sebagai sebuah daerah pentadbiran. Jika dahulunya seorang penghulu dilantik oleh Sultan Kedah, tetapi pihak British telah mengubah sistem pentadbiran dengan melantik seorang pegawai daerah bagi mengetuai pentadbiran daerah. Walau British mengambil alih pentadbiran pulau ini tetapi ia masih jauh ketinggalan kemajuan berbanding dengan daerah-daerah lain di negeri Kedah. Pegawai daerah masih dibantu oleh penghulu yang mengetuai mukim. Sebanyak enam mukim diwujudkan di pulau ini dan bandar Kuah dijadikan pusat pentadbiran baru menggantikan Padang Mat Sirat. Sistem pentadbiran daerah

kemudiannya diperkukuhkan lagi dengan kewujudan beberapa jawatan pentadbiran peringkat daerah iaitu Jurutera Daerah, Ketua Polis Daerah, Pegawai Perubatan Daerah tetapi Pegawai Daerah masih mengetuai pentadbiran daerah. Antara pegawai daerah yang terkenal ialah Tunku Abdul Rahman (1935-1937) dan juga Datuk Ahmad Basri Hj Akhil (sekitar tahun 1970an).

PEMBINAAN BANGUNAN DAN TAPAK BERSEJARAH

Pada peringkat awal Langkawi sebagai pulau bersejarah hanya dikenali di peringkat tempatan dan dalam negeri sahaja tetapi kurang dikenali di peringkat antarabangsa. Sebaliknya ia sering dikenali di kalangan saintis kerana mempunyai khazanah batu berusia lama serta mempunyai hutan tua. Kurang sekali novel atau cerpen yang ditulis melibatkan Langkawi. Hanya terdapat tiga buah filem tempatan sahaja yang memaparkan Langkawi iaitu Filem Mahsuri (Diterbitkan oleh Tunku Abdul Rahman), Tsu Feh Sofia (arahan Dato' Rahim Razali yang diterbitkan pada tahun 1981) dan sumpahan Mahsuri (arahan Dato' Jamil Sulong diterbitkan pada 1989, yang merupakan adaptasi daripada cerita asal Tunku Abdul Rahman). Selepas itu tiada lagi filem tempatan yang baru merakamkan mengenai Langkawi. Seingat kami, ada sebuah filem 'Bollywood' dilakonan oleh Shahrukh Khan membuat penggambaran di Oriental Village di atas puncak gunung Raya.

Warisan sejarah mestilah dikaitkan dengan manusia itu sendiri. Kegiatan masyarakat di Pulau Langkawi dapat dikaitkan dengan kegiatan manusia zaman pra-sejarah, zaman tamadun, zaman kesultanan Melayu Kedah, kolonial British dan kemerdekaan. Satu perkembangan yang boleh dihuraikan ialah kegiatan hasil hutan di pulau ini sejak zaman kesultanan Melayu Kedah. Ini kerana pada abad ke 17-18 Pulau Langkawi merupakan pembekal kayu bermutu tinggi digunakan untuk membina kapal. Kayu-kayu ini dihantar ke Pulau Pinang yang pada masa itu menjadi pusat membina kapal dan bot kecil. Kegiatan membina kapal jadi lebih penting apabila pihak British menduduki Pulau Pinang pada 1786 dan dijadikan sebagai pelabuhan persinggahan.

Pulau Langkawi juga mempunyai keistimewaan dengan kewujudan batuan tua yang berusia sekitar 550 juta tahun. Pulau ini terbentuk hasil daripada pelbagai proses dan perkembangan iklim yang

membentuk kepulauan sekitar 220 juta tahun dahulu. Kawasan hutan dan batuan kaya dengan sumber alam semula jadi. Terdapat sebahagian kejadian mukabumi pulau ini dikaitkan dengan legenda dan mitos. Keunikan binaan batuan ini menyebabkan pulau ini diiktiraf oleh UNESCO sebagai Geopark yang merupakan yang pertama di Asia Tenggara. Bagi memperkenalkan pulau ini sebagai warisan geopark, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang ditubuhkan pada tahun 1990 telah memainkan peranan utama mempromosikan pulau ini kepada pelancong antarabangsa dan tempatan. LADA, sebuah badan peringkat kerajaan Persekutuan juga berperanan penting dalam membina kemajuan infrastruktur bagi menampung keperluan industri pelancongan di pulau ini. Dengan adanya perhatian daripada kerajaan persekutuan, perkembangan industri pelancongan di pulau ini yang berasaskan kepada pelancongan warisan berkembang dengan baik.

MENGENALPASTI PERISTIWA DAN BAHAN BERSEJARAH DI PULAU LANGKAWI BERASASKAN MODEL MACCANEL

MacCanel seorang pengkaji pelancongan yang terkenal telah menggariskan beberapa kriteria yang perlu bagi menjadikan sesuatu kawasan sebagai tarikan pelancongan berasaskan kepada warisan sejarah. Dalam hal ini ia boleh diadaptasikan dengan keadaan di Pulau Langkawi iaitu,

1. Membuat penyenaian dengan membentuk kriteria dari segi terkenal, personaliti dan insiden.
2. *Re-create* iaitu menghasilkan kembali produk berdasarkan kepada kegiatan tempatan seperti kraftangan, mencari pandangan (*perception*) beberapa artis mengenai rupa Mahsuri dan persekitaran zaman kehidupan Mahsuri. Ia dapat menggalakkan penduduk menghasilkan produk yang boleh dibeli pelancong. Dalam bidang budaya, penduduk tempatan akan membina semula budaya mereka dari segi pakaian, makanan dan juga riadah. Penduduk kemudiannya menjual kepada pelancong. Ini dilakukan oleh penduduk di Jepun.

KAWASAN-KAWASAN TARIKAN PELANCONG

Pulau Langkawi mempunyai banyak kawasan dan tinggalan sejarah yang boleh dibangunkan. Malahan ia berpotensi menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung. Antara kawasan yang dibangunkan ialah;

1. Pekan Kuah
Ia adalah merupakan pusat pentadbiran Pulau Langkawi. Menempatkan jeti bagi feri dari Kuala Kedah, Kuala Perlis dan Georgetown. Hotel-hotel besar dan juga pusat membeli-belah terletak di sini. Di sebelah jeti terdapat Dataran Lang yang terletak patung seekor burung helang besar yang menjadi simbol Pulau Langkawi. Ianya berpotensi dibangunkan sebagai sebuah bandar bersejarah. Dengan mengambil contoh Pulau Pinang dan Melaka, sebahagian kawasan bandar ini (kawasan Dataran Lang) dapat dibangunkan sebagai sebuah kompleks warisan sejarah. Ideanya ialah membina semula monumen yang dapat memaparkan sejarah berzaman dari zaman kesultanan Kedah, peperangan dengan Siam, pentadbiran British, budaya masyarakat masa silam. Selain bangunan tradisional, hasil-hasil sejarah berbentuk manuskrip, catatan pelayaran, gambaran peristiwa perang dapat dipamerkan. Turut dipamerkan ialah keistimewaan sumber tanah dan laut yang menjadi kekuatan pulau ini. Dataran Lang yang menempatkan patung seekor burung helang yang menjadi simbol pulau ini perlu diberikan input maklumat kaitannya dengan sejarah Pulau Langkawi.
2. Kompleks Makam Mahsuri
Ianya mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai daya tarikan pelancong. Imej kompleks ini perlu lebih jelas mengaitkan dengan sejarah pulau ini. Bahan-bahan pameran haruslah lebih relevan dan asli terutamanya bahan-bahan tekstil, peristiwa dan fakta. Sehingga hari ini tiada siapa yang dapat memberikan lakaran sebenar wajah Mahsuri, begitu juga dengan tokoh-tokoh yang terlibat dalam pembunuhannya. Peralatan yang dipamerkan mestilah bersesuaian dengan tema sesuatu tempat, antaranya replika meriam tentera British yang dijumpai di Kuala Sungai Melaka dalam tahun 1970-an. Meriam ini dikatakan digunakan oleh angkatan British semasa membantu Siam menawan Langkawi dalam tahun 1820-an. Sebaliknya tiada

pengesahan mengenai meriam ini. Letaknya kira-kira 12km di bahagian utara Kuah. Begitu juga dengan replika makam Mahsuri yang perlu dinyatakan kerana persoalan mengenai di manakah kubur Mahsuri masih menjadi tanda tanya sehingga hari ini.

Mengikut catatan sejarah Mahsuri telah dihukum bunuh dan mayatnya dikebumikan di Padang Mat Sirat dan bukannya di kawasan rumah beliau. Terdapat juga kesalahan fakta yang ditulis di beberapa papan kenyataan seperti "... Tunku Abdul Rahman Putra mengarahkan pembinaan dan perletakan nisan sewaktu beliau menjadi Pegawai Daerah di sini pada awal tahun 1940-an." Dari segi fakta Tunku Abdul Rahman sebenarnya menjadi Pegawai Daerah di Pulau Langkawi dari tahun 1935-1937, selepas itu beliau berpindah ke Sungai Petani.

3. Kawasan Beras terbakar di mukim Padang Mat Sirat terdiri daripada sebuah rumah (moden) di dalam kawasan dahulunya dikatakan sebagai gudang simpanan beras. Mengikut legendanya, sewaktu serangan tentera Siam ke Pulau Langkawi, penduduk pulau ini telah membakar gudang beras ini, mengelakkan ia dirampas oleh tentera Siam. Sukar dipastikan sama ada beras terbakar yang ada itu adalah tinggalan daripada peristiwa serangan tentera Siam itu yang berlaku sekitar abad ke 17-18. Kawasan ini berpotensi dibangunkan sebagai kompleks bersejarah merakamkan pusat pentadbiran tradisional pulau Langkawi. Selain menjadi pusat pentadbiran, kawasan ini pernah menjadi tumpuan kegiatan perniagaan dan jalan keluar masuk penduduk kerana dihubungkan oleh sungai. Kegiatan perniagaan meliputi menjual kayu-kayu berkualiti tinggi bagi kegunaan industri kapal di Pulau Pinang.
4. Galeria Perdana terdiri daripada dua buah bangunan yang menempatkan koleksi sebanyak 10,000 hadiah bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamed dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali. Galeri ini dibuka kepada pelawat pada setiap hari. Ia merupakan antara muzium yang terbaik dibina di Malaysia.
5. Telaga Tujuh merupakan sebuah kawasan tujuh buah perigi berada di kaki bukit. Terdapat legenda yang mengatakan ia adalah tempat di mana 7 pari-pari turun daripada angkasa untuk mandi dan bermain.
6. Tasik Dayang Bunting merupakan sebuah tasik air tawar yang paling besar di sebuah pulau sekitar Pulau Langkawi. Ia dikatakan mempunyai legenda iaitu tasik air tawar apabila diminum boleh membawa wanita menjadi hamil. Terdapat kepercayaan daripada penduduk tempatan terutamanya mereka yang sukar mendapatkan anak boleh mendapatkan restu apabila melawat kawasan ini.
7. Gua Cerita boleh dikunjungi melalui Tanjung Rhu. Sekitar dinding gua ini mengandungi inskripsi dahulu kala yang dikatakan merupakan ayat-ayat al-Quran. Pelancong yang melawat ke kawasan ini perlu menaiki bot untuk meninjau kawasan ini. Ia memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan menyewa bot dan juga menjadi pemandu pelancong.
8. Pantai Pasir Tengkorak terletak di kawasan Matchincang. Kedudukan kawasan ini adalah di sebelah utara pulau Langkawi. Adalah dipercayai bahawa nama pantai ini adalah mengambil sempena jumpaan tengkorak manusia daripada kapal karam.
9. Makam Tua merupakan sebuah kubur lama terletak di mukim Hulu Melaka. Bagaimanapun sedikit maklumat sahaja yang diketahui mengenai kubur ini kerana tiada tarikh dan penerangan yang cukup yang boleh membantu pelancong. Pembinaan kubur lama perlu dikaitkan dengan perkembangan masyarakat pada waktu berkenaan serta perkembangan perbandaran. Contohnya apakah kegiatan masyarakat pada ketika itu, hubungan dengan kawasan luar, peristiwa penting yang boleh dikaitkan, dan apakah keunikan kubur berkenaan (apakah boleh dikaitkan dengan sesuatu sejarah besar Kedah atau Tanah Melayu atau Malaysia). Sebenarnya ada potensi mengaitkan dengan zaman kedatangan Islam, kesultanan Kedah dan negeri-negeri Melayu yang lain dan juga boleh dikaitkan dengan Langkawi sebagai sebuah pulau yang jadi tempat pertembungan tiga kuasa besar-Negeri-negeri Melayu, Siam dan Inggeris.

Dari segi penilaian yang dilakukan terhadap kegiatan warisan sejarah dalam pelancongan Pulau Langkawi yang dibangunkan terdapat masih banyak ruang boleh dikemaskini dan dibaiki. Usaha membangunkan ini perlu mendapat bantuan daripada

pakar-bidang seperti ahli sejarah agar bahan sejarah yang dipamerkan itu adalah tepat dan mempunyai keaslian. Ia juga memerlukan khidmat daripada pakar pelancongan yang dapat memberikan khidmat nasihat mengenai aktiviti pelancongan warisan untuk bantu mempertingkatkan kegiatan pelancongan.

MEMBANGUNKAN WARISAN SEJARAH LANGKAWI

Tiga warisan sejarah yang terdapat di pulau Langkawi dapat dibangunkan melalui model MacCannel. Selanjutnya usaha membangunkannya dapat dilihat seperti berikut;

1. Kuah berpotensi dibangunkan sebagai sebuah bandar bersejarah. Dengan mengambil contoh Pulau Pinang dan Melaka, sebahagian kawasan di bandar ini (kawasan Dataran Lang) dapat dibangunkan sebagai sebuah kompleks warisan sejarah. Kawasan ini dibangunkan semula binaan bangunan, dan juga artifak sejarah yang berkaitan dengan Kedah dan Pulau Langkawi. Memaparkan sejarah berzaman dari zaman kesultanan Kedah, peperangan dengan Siam, pentadbiran British, budaya dan kehidupan masyarakat dahulu. Selain bangunan tradisional, bahan-bahan sejarah berupa manuskrip, catatan pelayaran, gambaran peristiwa perang dapat dipamerkan. Turut dibangunkan ialah keistimewaan sumber tanah dan laut yang menjadi kekuatan pulau ini. Dataran Lang yang diletakkan patung seekor burung helang besar yang menjadi simbol Pulau Langkawi perlu dikaitkan dengan persejarah pulau ini.
2. Kompleks Makam Mahsuri mempunyai potensi yang dapat dibangunkan sebagai daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri. Imej kompleks ini perlu lebih jelas iaitu mengenai peristiwa pembunuhan dan sumpah Mahsuri. Gambaran keadaan Langkawi harus dikaitkan dengan sumpah Mahsuri. Bahan pameran haruslah yang lebih relevan dan asli terutamanya bahan-bahan tekstil, peristiwa dan fakta. Sehingga hari ini tiada siapa yang dapat menggambarkan wajah sebenar Mahsuri, begitu juga mereka yang terlibat dalam peristiwa pembunuhan. Begitu juga peralatan yang dipamerkan mestilah bersesuaian dengan tema sesuatu tempat, antaranya replika meriam tentera British, Meriam British yang dijumpai di Kuala Sungai Melaka dalam tahun 1970-an.

Meriam ini digunakan oleh angkatan Inggeris semasa membantu Siam menawan Langkawi dalam tahun 1820-an. Sebenarnya tiada pengesahan mengenai meriam ini. Lukisan mengenai Mahsuri merupakan gambaran yang dilukis oleh artis tetapi ia tidak mengikut suasana semasa itu umpamanya mutu pakaian.

Replika Makam Mahsuri perlu dinyatakan kerana persoalan mengenai kubur Mahsuri masih jadi tanda tanya hari ini dan jelasnya bukan di kompleks Mahsuri yang ada pada hari ini. Adalah dipercayai selepas dihukum bunuh Mahsuri dikebumikan di Padang Mat Sirat yang merupakan pusat pentadbiran Langkawi dan kediaman penghulu. Kesalahan fakta dalam beberapa papan kenyataan seperti "... Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj mengarahkan pembinaan dan peletakan nisan sewaktu beliau menjadi Pegawai Daerah di sini pada awal tahun 1940-an". Sedangkan fakta sebenarnya ialah Tunku Abdul Rahman menjadi Pegawai Daerah di Langkawi dari tahun 1935-1937, sebelum beliau berpindah ke Sungai Petani.

3. Kawasan Beras terbakar berpotensi untuk dibangunkan sebagai pusat pentadbiran tradisional Langkawi. Warisan sejarah Langkawi sebenar terdapat di Padang Mat Sirat. Selain membangunkan kawasan Beras Terbakar, usaha sebaliknya boleh diambil dengan membina sebuah kompleks tradisional Langkawi. Ia boleh memaparkan mengenai sejarah Langkawi, sebuah pulau yang mempunyai keistimewaan yang pernah menghasilkan sumber utama kayu kepada industri kapal di Pulau Pinang. Kedudukan pulau ini adalah sebagai pengimbang kuasa Siam. Satu lagi keistimewaan yang boleh dibangunkan ialah hubungan antara Langkawi dengan Sumatera (Indonesia) dari segi, keagamaan, perdagangan dan sosial secara umumnya. Ini kerana pengaruh Sumatera terutamanya dari Aceh sebenarnya memang kuat di Langkawi dan negeri Kedah yang terbukti melalui tinggalan manuskrip dan batu nisan.

KESIMPULAN

Kajian yang dilakukan mendapati bahawa warisan sejarah mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai tarikan pelancong di Pulau Langkawi. Kurangnya pendedahan dan pengalaman daripada

pihak yang terlibat di pulau ini mengenai kaedah membangunkan sumber warisan sebagai kawasan pelancongan menyebabkan ianya kurang memberi kesan kepada pelancong. Ini menyebabkan tiadanya memori (penghayatan dan pengalaman) yang berpanjangan terhadap kedatangan mereka di Pulau Langkawi. Oleh itu warisan sejarah yang ada di Langkawi perlu dibina dan dibangunkan semula mengikut kerangka warisan sejarah dalam pelancongan. Beberapa pengalaman dari luar negara atau dalam negara umpamanya di Melaka dan Pulau Pinang dapat digunakan bagi membangunkan warisan sejarah sebagai tarikan pelancongan di pulau ini.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan melalui dana penyelidikan Projek *Sustainable Development of Ecotourism in Langkawi* (UKM-XX-05-FRGS0006-2006).

RUJUKAN

- Authors's US adventure travel industry survey, 1989-90.
- Binns, T. & Etienne, N. 2002. Tourism as a local development strategy in South Africa. *The Geographical Journal* 168(3): 235-247.
- Chamberlain, K.L. & Beavus, J.R.S. 1979. Travel Industry Education and Training in the Philippines, A review of the Asian Institute of Tourism and its relationship to overall industry needs. San Francisco.
- Herbet, D.L. 1995. *Heritage, Tourism and Society*, London: Mansell.
- Jameson, F. 1985. Postmodernism and consumer culture. In: d.H. Foster (ed.). *Postmodernism Culture*. London: Pluto.
- Johnson, N.C. 1996. Where geography and history meet: Heritage tourism and the Big House in Ireland. *Annals of the Association of American Geographers* 86(3): 551-566.
- Kearns, G. & Philo, C. 1993. *Selling Places. The City as Cultural Capital, Past and Present*. Oxford: Pergamon Press.
- Kementerian Pelancongan Malaysia. 2012. ETP: Usaha Mentransformasi Pelancongan ke Tahap Baru, www.motour.gov.my
- MacCanell, D. 1976. *The Tourist. A New Theory of the Leisure Class*. New York: Schocken Books.
- National Association of Tribal Historic Preservation Officers, USA. 2011.
- National Trust for Historic Preservation, USA. 2011.
- Neumayer, E. 2004. The Impact of political violence on tourism: Dynamic cross-national estimation. *The Journal of Conflict Resolution* 48(2): 259-281.
- Simpson, F. 1999. Tourist impact in the historic centre of Prague: Resident and visitor perceptions of the historic built environment. *The Geographical Journal* 165(2) July.
- Thiele, M.T., Pollnac, R.B. & Christie, P. 2005. Relationship between coastal tourism and ICM sustainability in the central Visayas region of the Philippines. *Ocean & Coastal Management* 48: 378-392.
- UNWTO. 2008. *World Tourism Barometer* 6(2): 1-54.
- UNWTO. 2011. *Annual Report 2011*. Madrid: World Tourism Organisation (UNWTO).
- Urry, J. 1990. *The Tourist Gaze: Leisure and Travel in Contemporary Societies*. London: Sage.
- World Tourism Organisation. 2001. *Tourism Highlights 2001*. Madrid: WTO.
- Zurick, N.D. 1992. Travel and sustainable tourism in the peripheral economy of Nepal. *Annals of the Association of American Geographers* 82(4): 608-628.

Mohd bin Samsudin
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: moss@ukm.my

Sulong Mohamad
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: sulong@ukm.my